



**BERJAGA-JAGA...** Beberapa penduduk berdiri di pekarangan Balai Polis Pelabuhan Klang yang dinaiki air akibat fenomena air pasang besar yang melanda beberapa kawasan di sekitar Klang, Selangor, awal pagi semalam.

— Gambar **ASMARUDDIN JAMALUDDIN**

# Klang dilanda banjir fenomena air pasang besar

Oleh **AZIAN AZIZ**

**KLANG 8 Okt.** — Beberapa kawasan di sekitar Klang termasuk Pelabuhan Klang dilanda banjir dengan air naik ke paras hampir satu meter, kesan fenomena air pasang besar yang masuk hari ketiga, hari ini.

Air pasang itu yang bermula Jumaat lalu, hari ini mencecah ke paras 6.2 meter di tempat menyukat banjir berbanding 5.9 meter yang direkodkan pada pukul 5.54 pagi semalam.

Air laut mula melimpah kira-kira pukul 5.30 pagi dan Balai Polis Pelabuhan Klang di sini merupakan antara bangunan pertama dinaiki air kerana kedudukannya yang terletak kira-kira 200 meter dari jeti Pelabuhan Klang.

*Air Sungai Klang turut melimpah dan membanjiri kawasan berdekatan termasuk Pelabuhan Selatan, Kawasan Perindustrian Sobina Jaya dan Tanjung Harapan*

Balai polis berkenaan dan jeti Pulau Ketam dinaiki air ke paras lutut kira-kira pukul 6 pagi dan limpahan air yang memasuki kawasan balai mengakibatkan lo-ceng amaran berbunyi.

Para pegawai serta anggota yang bertugas di situ bergegas mengangkat dokumen ke tempat selamat dan mengalihkan kereta masing-masing ke kawasan tinggi.

Bagaimanapun, air di kawasan berkenaan surut sejam kemudian.

Turut dinaiki air ialah Stesen Kuarantin Haiwan, Jabatan Hai-

wan Pelabuhan Klang dan beberapa penempatan di situ.

Keadaan air yang naik sehingga paras lutut (0.5 meter) di kawasan tersebut menyebabkan pekerja-pekerja stesen kuarantin terpaksa mengalihkan haiwan-haiwan di situ ke tempat lebih tinggi.

*Utusan Malaysia* difahamkan penduduk di kawasan sekitar telah memindahkan perabot serta barang-barang lain beberapa hari sebelum fenomena air pasang berlaku.

Bagaimanapun, banjir kilat mu-

la surut kira-kira pukul 7 pagi dan hanya beberapa kawasan rendah masih ditakungi air.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Abdul Bakir Zin berkata, kejadian pagi ini turut menyebabkan air Sungai Klang melimpah dan membanjiri kawasan berdekatan termasuk Pelabuhan Selatan, Kawasan Perindustrian Sobina Jaya dan Tanjung Harapan.

“Keadaan pagi ini terkawal dan tidak begitu serius kerana tidak berlaku hujan lebat,” katanya.

Pembantu Teknikal Jabatan Perparitan dan Saliran Selangor, Jamaluddin Sharif berkata, beberapa ban di sepanjang Sungai Klang di Kampung Sireh, Kampung Delek, Kampung Teluk Nipah dan utara Klang pecah akibat dilanda air deras.